

Peraduan Melukis Alam Sekitar Kanak-kanak Antarabangsa Kao ke-17

Terma dan Syarat Penyertaan

Sila baca dengan teliti peraturan penyertaan ini sebelum mengemukakan penyertaan bagi “Peraduan Melukis Alam Sekitar Kanak-kanak Antarabangsa Kao ke-17” (selepas ini dirujuk sebagai “Peraduan”) yang dianjurkan oleh Kao Corporation (selepas ini dirujuk sebagai “Syarikat”), mana-mana individu yang mengemukakan penyertaan (selepas ini disebut sebagai “Peserta”) adalah dianggap telah membaca, memahami dan bersetuju sepenuhnya dengan semua terma dan syarat yang dinyatakan di bawah pada masa penyertaan dikemukakan. Terma dan Syarat penyertaan ini merupakan persetujuan yang sah dan mengikat di sisi undang-undang antara Peserta dan Syarikat berkaitan Peraduan ini.

1. Syarat Penyertaan

Penyertaan hendaklah memenuhi kedua-dua syarat berikut, iaitu (i) Syarat Peserta dan (ii) Syarat Karya bagi melayakkan diri ke peringkat penilaian. Jika syarat-syarat tersebut tidak dipenuhi, penyertaan tersebut tidak akan dipertimbangkan untuk penilaian. Selain itu, sekiranya selepas penganugerahan didapati bahawa syarat-syarat tersebut tidak dipenuhi, pihak Syarikat berhak untuk membatalkan anugerah tersebut.

1 Syarat Peserta

Penyertaan adalah terhad kepada kanak-kanak berumur 6 hingga 15 tahun pada 31 Ogos 2026. Peserta mestilah telah mendapat persetujuan daripada ibu bapa atau penjaga sah sebelum mengemukakan penyertaan. Setiap peserta hanya dibenarkan menghantar satu (1) karya sahaja bagi Peraduan ini.

2 Syarat Karya Penyertaan

Karya yang dihantar hendaklah memenuhi syarat-syarat berikut:

- (1) Karya mestilah selaras dengan tema “Marilah kita bersama-sama memikirkan tentang Bumi yang akan terus kekal pada masa hadapan!”.
- (2) Saiz karya yang dibenarkan adalah sekurang-kurangnya 271×392 mm dan tidak melebihi 392×542 mm. Ukuran bingkai atau alas hiasan (mat) tidak termasuk dalam kiraan saiz. Karya yang mengandungi elemen atau bahan tiga dimensi hendaklah dikecualikan daripada penilaian.
- (3) Medium lukisan dua dimensi seperti penggunaan krayon, pensil warna, cat air, cat minyak dan cetakan adalah dibenarkan. Walau bagaimanapun, karya berbentuk kolaj (karya dengan bahan tampalan), lukisan digital, karya yang dihasilkan dengan menggunakan AI, serta lukisan cat minyak tebal di atas kanvas adalah tidak dibenarkan.

- (4) Setiap peserta hanya dibenarkan menghantar satu (1) karya sahaja.
- (5) Karya penyertaan hendaklah merupakan hasil ciptaan asli oleh peserta sendiri dan belum pernah diterbitkan atau dipertandingkan sebelum ini.
 - ※ “Belum pernah diterbitkan” bermaksud karya tersebut belum pernah dipamerkan kepada umum melalui pameran, jualan, atau meraih kemenangan dalam mana-mana pertandingan lain sebelum ini.
- (6) Karya yang tergolong dalam mana-mana kategori berikut hendaklah dikecualikan daripada penilaian.
 - Karya yang tidak mengikut kaedah penyertaan yang ditetapkan
 - Karya yang dihantar selepas tarikh tutup atau yang tiba diurus setia selepas tarikh penyerahan tamat
 - Bagi penyertaan melalui borang dalam talian, imej yang dimuat naik adalah tidak jelas
 - Bagi penyertaan melalui penghantaran karya asal, karya yang tidak disertakan dengan borang penyertaan atau borang yang tidak lengkap
 - Karya yang mengandungi tampalan bahan (kolaj) atau mempunyai elemen hiasan tiga dimensi
 - Karya yang dilukis di atas kanvas (iaitu kain khas untuk lukisan cat minyak)
 - Karya yang dihasilkan secara digital atau menggunakan AI
 - Karya yang mengandungi perkataan berbentuk slogan atau ayat promosi seperti poster
 - Karya yang mengandungi watak tertentu, nama individu, nama syarikat, nama produk, logo atau seumpamanya
 - Karya yang sangat menyerupai karya lain atau yang menurut penilaian Syarikat berkemungkinan melanggar hak pihak ketiga
 - Karya yang dihasilkan secara bersama dengan individu lain
 - Karya yang mengandungi unsur fitnah atau penghinaan terhadap individu atau organisasi tertentu
 - Karya yang mengganggu atau berpotensi mengganggu kelancaran pengurusan Peraduan ini secara wajar
 - Karya yang pernah memenangi Peraduan lain
 - Apa-apa karya lain yang dianggap tidak sesuai oleh Syarikat

2. Kaedah Penilaian

- Penilaian Peraduan ini akan dijalankan dalam tiga peringkat: saringan awal, penilaian awal, dan penilaian akhir.
- Saringan awal dan penilaian awal akan dijalankan berdasarkan imej karya yang dihantar.
- Penilaian akhir pula akan dibuat berdasarkan karya asal (secara fizikal).
- Bagi peserta yang membuat penyertaan melalui muat naik imej, jika karya mereka lulus

saringan awal dan mara ke peringkat penilaian awal, pihak urus setia akan menghubungi peserta melalui alamat e-mel yang didaftarkan.

- Peserta yang menerima makluman tersebut hendaklah menyemak kandungan e-mel tersebut dan menghantar karya asal ke pihak urus setia untuk penilaian akhir.
- Pemenang akan dimaklumkan mengenai keputusan Peraduan selewat-lewatnya pada awal Disember 2026 kepada peserta, sekolah, atau kelas seni lukis masing-masing. Nama pemenang dan maklumat berkaitan akan diumumkan di laman web Kao.
<https://www.kao.com/jp/sustainability/society/environment/painting-contest/>
- Sekiranya selepas dihubungi oleh pihak urus setia, peserta gagal memberikan maklumat yang diperlukan atau tidak menyelesaikan prosedur yang ditetapkan dalam tempoh yang ditentukan oleh Syarikat, atau jika Syarikat tidak dapat menghubungi peserta, penyertaan tersebut boleh dibatalkan daripada penilaian atau kelayakan untuk menerima anugerah.

3. Cara Penyertaan

- Sebelum menghantar penyertaan, sila semak maklumat yang tertera pada kod QR berikut atau laman web Kao
<https://www.kao.com/global/en/sustainability/society/environment/painting-contest/entries/>
<https://entry.kao-iepcc.jp/my/>



- Penyertaan hendaklah dibuat melalui salah satu daripada dua kaedah berikut: (1) Muat naik imej karya, atau (2) Penghantaran karya asal (secara fizikal). Pemilihan kaedah tidak akan memberi sebarang kelebihan atau kekurangan dalam proses penilaian (Walaupun karya asal dihantar, pihak urus setia tetap akan mengambil gambar dan menilainya dalam bentuk data imej).

(1) Jika memuat naik imej karya (penyertaan digital)

Sila muat naik imej atau imbas karya anda melalui borang penyertaan yang ditetapkan.

- [Spesifikasi yang disyorkan] JPEG/PNG/GIF, sisi terpanjang 2000–4000 piksel, resolusi bersamaan 300 dpi, saiz maksimum 5 MB bagi setiap imej.
- Sekiranya imej tidak jelas atau tidak memenuhi format dan saiz yang ditetapkan, karya tersebut mungkin tidak layak untuk penilaian.

(2) Jika menghantar karya asal (secara fizikal)

Sila isi semua maklumat dalam ruang berbingkai tebal pada “Borang Penyertaan” yang ditetapkan, kemudian lekatkan borang tersebut di bahagian tengah belakang karya sebelum dihantar.

- Jika terdapat kekurangan atau kesilapan dalam maklumat pada borang, penyertaan mungkin tidak layak untuk penilaian.
- Sila hantar karya tanpa dilipat atau digulung, seboleh mungkin dan gunakan kadbod atau bahan lain bagi mengelakkan kerosakan semasa penghantaran. Penyertaan melalui e-mel atau serahan terus ke pejabat urus setia adalah tidak diterima.
- Secara prinsipnya, karya asal yang dihantar tidak akan dikembalikan.

4. Alamat Penghantaran

Kao International Environment Painting Contest for Children
 Kao (Malaysia) Sdn. Bhd. [Company No. 197301000489 (14023-V)]
 19th Floor, Menara Access World, No. 1, Jalan 19/3,
 46300 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan, Malaysia

5. Tarikh Tutup Penyertaan

Mesti diterima selewat-lewatnya pada hari **Jumaat, 14 August 2026** , sebelum 5.30petang

6. Persetujuan Syarat Penyertaan

Dengan menyertai Peraduan ini, peserta dianggap telah bersetuju dengan perkara-perkara berikut:

- 1 Hak milik karya yang dihantar akan menjadi milik Syarikat , dan karya tersebut tidak akan dikembalikan kepada peserta.
- 2 Sekiranya karya peserta memenangi mana-mana anugerah, Syarikat, syarikat berkaitan, atau organisasi yang ditetapkan oleh Syarikat (selepas ini secara bersama disebut sebagai “pihak syarikat”) berhak menggunakan karya pemenang tersebut—termasuk tajuk karya, komen/idea karya, serta tempat tinggal dan umur peserta semasa penyertaan—tanpa had tempoh dan wilayah bagi tujuan komunikasi korporat serta promosi produk yang berteraskan kelestarian alam sekitar. Penggunaan ini termasuk penerbitan, paparan, pameran, pencetakan, penyiaran, pengumuman dan lain-lain melalui laman web, pameran, bahan cetakan, bahan pengiklanan, media digital dan bahan promosi.
- 3 Pihak syarikat berhak mengubah saiz karya, dan warna sebenar karya mungkin sedikit berbeza disebabkan proses cetakan atau paparan.
- 4 Peserta tidak akan menuntut hak moral pencipta terhadap penggunaan karya pemenang oleh pihak syarikat.
- 5 Semasa memperkenalkan karya pemenang, pihak syarikat juga boleh menerbitkan maklumat berikut berkaitan peserta, termasuk gambar potret peserta yang akan diminta secara berasingan, selepas disunting jika perlu, tanpa had tempoh dan wilayah.
 - (1) Nama (dalam abjad rumi)

- (2) Umur (semasa penyertaan)
 - (3) Tempat tinggal (negara/wilayah)
 - (4) Tajuk karya
 - (5) Mesej atau perasaan yang ingin disampaikan melalui karya
- 6 Pemenang utama dijadualkan akan dijemput ke Majlis Penyampaian Hadiah Peraduan Lukisan Alam Sekitar Kanak-kanak Antarabangsa Kao ke-17 yang dijangka diadakan pada Disember 2026 (lokasi: pejabat Syarikat di Tokyo atau secara dalam talian). Dalam majlis tersebut, Syarikat boleh mengambil gambar atau video peserta dan menggunakannya untuk tujuan komunikasi korporat tanpa had tempoh dan wilayah melalui laman web, pameran, bahan cetakan, bahan pengiklanan, media digital dan lain-lain. Untuk penyertaan ke majlis tersebut, Syarikat kami hanya akan menanggung kos pengangkutan dan penginapan.

7. Maklumat Peribadi

Maklumat peribadi yang diterima daripada peserta akan digunakan oleh Syarikat bagi tujuan pengurusan Peraduan ini, termasuk pemberitahuan keputusan serta aktiviti publisiti dalaman dan luaran berkaitan pemenang. Maklumat peribadi tersebut tidak akan diberikan kepada pihak ketiga tanpa persetujuan peserta, kecuali kepada pihak yang dilantik bagi tujuan yang diperlukan.

8. Pertanyaan Mengenai Peraduan

Kao International Environment Painting Contest for Children

Kao (Malaysia) Sdn. Bhd. [Company No. 197301000489 (14023-V)]

19th Floor, Menara Access World, No. 1, Jalan 19/3,

46300 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan, Malaysia

Tel.: +603-7957 4488

(Ext. 238 Puan Junainah, Ext. 171 Puan. Azni)

E-mail: kao.contest@kao.com

Waktu urusan: 8:30 pagi – 5:30 petang, kecuali Sabtu, Ahad, cuti umum, cuti akhir tahun dan awal tahun, cuti musim panas dan hari cuti lain.

※Bergantung pada kandungan pertanyaan, maklum balas mungkin mengambil masa beberapa hari.

9. Lain-lain

Sebarang pertanyaan berkaitan proses atau keputusan penilaian tidak akan dilayan. Keputusan penilaian adalah muktamad berdasarkan pertimbangan penganjur.